

Mahathir malu dengan sikap wakil tunggal PAS

JM 10 JAN 1984

KUALA LUMPUR 9 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau merasa agak malu dengan ahli Parlimen tunggal PAS di Dewan Rakyat, Haji Nik Aziz Nik Mat (Pengkalan Cepa) yang memakai serban yang pada pandangan orang lain sepatutnya kuat beragama tetapi telah membenarkan pengikut-pengikut membuat bermacam-macam tuduhan di kampung.

Menurut Perdana Menteri, ahli Parlimen PAS itu telah bercakap tentang sopan santun orang Melayu tetapi "dialah yang paling" tidak bersopan."

"PAS telah menuduh saya sebagai Firaun dan kafir. Bukan sahaja dia tidak takut pada raja, dia juga tidak takut pada Tuhan kerana ayat - ayat Quran dan hadis telah diputar - belitkan untuk mengabui mata rakyat untuk mencapai kemenangan.

"Tetapi kemenangan (PAS) juga tidak kekal, sudah kehilangan empat orang (ahli Parlimennya) 'dan kini tinggal' seorang (di Dewan Rakyat),? tambahnya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 di Dewan Rakyat di sini malam ini

Beliau berkata ucapan ahli Parlimen PAS itu

semasa membahaskan rang undang - undang adalah "ucapan yang tidak jujur."

"Saya agak malu sedikit kerana pada pandangan orang, orang yang memakai serban kuat agama, tapi dia membenarkan, orang-orangnya membuat bermacam-macam tuduhan," tegasnya.

Haji Nik Aziz, wakil tunggal PAS di Dewan Rakyat telah menggesa kerajaan membuat satu majlis pengadaban untuk meminta maaf kepada "orang tua" yang mesti dihormati berikutan dengan isu pindaan perlembagaan.